

# Tiada perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia

Anwar sifatkan dakwaan pemeteraian 8 Jun lalu sebagai fitnah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

Nilai: Kerajaan tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian maritim dengan Indonesia membabitkan kawasan yang dirujuk sebagai blok Ambalat di Laut Sulawesi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, dakwaan kononnya perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang ditandatangani beliau dan Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 8 Jun lalu membabitkan blok perairan itu adalah fitnah dan tidak benar.

“Ada yang belum selesai termasuk kawasan disebut (blok) Ambalat. Tapi oleh kerana orang yang ‘bingai’ ini tak faham, sebab tak disebut, hanya disebut istilah J1 atau J2 (merujuk blok Ambalat), jadi dia tak faham. Itu belum selesai. Kawasan di Sabah ada bahagian yang belum selesai. Pulau Sebatik pun belum selesai.

“Saya katakan dengan Jokowi,

kita tandatangan (perjanjian maritim) yang sudah selesai saja,” katanya berucap pada Majlis Pelancaran Sentuhan Kasih Desa di Dataran Nilai di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Bekas Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah sebelum ini menggesa Perdana Menteri dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir memberi penjelasan terperinci berhubung isu blok Ambalat selepas menandatangani perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia pada 8 Jun lalu.

Saifuddin berkata, rakyat berhak mendapat penjelasan terperinci mengenai isu Ambalat agar tidak menimbulkan spekulasi.

Ambalat ialah blok lautan di Laut Sulawesi kira-kira 15,235 kilometer persegi yang kaya dengan minyak mentah dan gas asli.

Mengikut laporan, pemilikannya menjadi pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia sejak awal Mac 2005 susulan perselisihan peta yang digunakan.

Indonesia menggunakan peta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) manakala Malaysia menggunakan peta rasmi 1979.

Hanya Blok 6 dan 7 dipertikaikan, iaitu blok Ambalat terletak di luar perairan Tawau, Sabah, manakala di Ambalat Se-



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Aminuddin bergambar dengan sukarelawan Madani selepas merasmikan program Sentuhan Kasih Desa di Dataran Nilai, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

latan, iaitu di kawasan Indonesia tidak dipertikaikan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia dan Indonesia adalah negara jiran yang erat dengan kedua-dua pihak setuju tidak akan mengambil jalan untuk bermusuh.

“Indonesia siapa?..jiran kita, satu rumpun dan sahabat. Dulu sebahagian besarnya (wilayah) satu negara, sama ada kerajaan Melayu Melaka, Johor Riau atau Majapahit, hubungan itu satu keluarga.

“Saya tidak mahu bermusuh dengan Indonesia. Saling bergantungan, malah kita mahu ting-

katkan lagi hubungan persahabatan ini.

“Jadi, bila kita runding, makan belas tahun, puluhan tahun sejak merdeka. Selama 18 tahun bincang pasal sempadan (maritim). Saya putuskan dengan Jokowi instruksi dia kepada rakyat, selesaikan dengan segera,” katanya.

Anwar juga menjelaskan, perjanjian maritim itu ditandatangani selepas dipersetujui dan mendapat nasihat daripada pihak berautoriti, termasuk Peguam Negara.

“Arahan saya kepada pegawai, cari jalan bukan gadai, ikut pe-

raturannya. Siapa putuskan? Jawatankuasa ukur dan pemetaan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Peguam Negara, samua uruskan. Sudah selesai, baru saya tandatangan.

“Johor saya cakap sendiri dengan Tuanku Sultan Johor, kawasan yang kita tandatangan ini tak termasuk perbatasan Johor. Ia melepasi sempadan Johor.

“Ini contoh bagaimana fakta itu ditipu oleh orang yang gelar dia ustaz dan tok guru. Sebab itu kita rujuk fakta, nak pakai orang politik ini, dengar boleh, nak tahu betul atau tak, kena rujuk fakta,” katanya.